

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Selangor komited bendung Zika

Kerajaan negeri ambil serius biarpun hanya satu kes import setakat ini namun penularannya perlu dibanteras

■ MARLIA ZAKARIA

**KLANG**- Kerajaan negeri komited membanteras dan memusnahkan nyamuk Aedes serta tempat pembiakannya semaksimum mungkin.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata, walaupun kini hanya satu kes melibatkan seorang wanita dari Klang disahkan positif virus Zika Ogos lalu, ia tetap dipandang serius.

"Walaupun ia adalah kes import, kerajaan negeri tetap ambil tindakan kawalan dan berjaga-jaga supaya tiada penularan virus itu kepada orang lain.

"Nyamuk Aedes adalah vektor kepada virus denggi, Zika dan Chikungunya. Jadi, matlamat kita musnahkan denggi dan tempat pembiakannya semaksimum mungkin," katanya selepas Program Gotong Royong

Kebersihan Ad-Hoc di lokalkiti rumah kes mangsa Zika, Taman Botanic.

Dalam program tersebut, Jabatan Kesihatan Daerah (PKD) Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) bekerjasama menjelak dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

"Terima kasih kepada PKD Klang, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Persekutuan (JPP) dari MPK kerana ambil langkah segera.

"Langkah kawalan dan pencegahan turut dibuat dengan pergi ke rumah-rumah penduduk untuk beri peringatan, edarkan risalah dan racun serangga ke setiap rumah yang dilawati," katanya.

Tambahnya, perkara ini perlu dipandang serius oleh masyarakat khususnya ibu-ibu mengandung kerana kesannya terhadap kandungan.

"Nyamuk Aedes ni ada dua jenis iaitu dalam dan luar rumah. Di luar, ia tugas jabatan kesihatan dan PKD manakala dalam rumah, tanggungjawab sendiri dan itu penduduk perlu faham.

"Nyamuk ni bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran walau sekcil-kecil tempat air bertakung. Paling membimbangkan, jika virus ini dijangkiti ibu-ibu mengandung," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, PKD Klang, Nor Azam Ashar, berkata, penduduk Klang, Ambang Botanic khususnya diminta beri kerjasama kepada jabatan-jabatan terlibat.

"Tolong beri kerjasama sepenuhnya kepada jabatan yang terlibat menghapuskan Aedes. Ia penting bagi memastikan virus denggi dan zika dapat

dibendung.

"Apabila jabatan kesihatan bekerjasama dengan PKD atau MPK, turun ke muka pintu supaya kerja-kerja pemusnahan dapat dilakukan sepenuhnya di dalam dan luar rumah," katanya.

Katanya, ia berikutan virus Zika kebiasaannya dibawa oleh nyamuk Aedes yang dikenali sebagai Aedes aegypti yang biasa didapati dalam rumah.

"Untuk makluman, virus Zika biasanya dibawa oleh nyamuk jenis dalam rumah, sebab tu kerjasama penduduk sangat diperlukan.

"Pagi dah buat pemusnahan di dalam dan luar manakala petang kita buat semburan.

Kalau kitaran peringkat jentik-jentik dan dewasa dikenal pasti dan dihapuskan, virus ini boleh dikawal," katanya.



Daroyah (kiri) mengedarkan risalah dan racun serangga kepada penduduk Ambang Botanic sambil diperhatikan Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei (kanan).



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Pengusaha pengotor kena kompaun

Gagal jaga kebersihan, tiada suntikan typhoid antara kesalahan utama dilakukan di premis makanan

**KUALA SELANGOR** - mis masih rendah dan boleh Gagal menjaga kebersihan dipertikaikan. premis dan tiada suntikan typhoid menyebabkan lima notis kompaun dikenakan kepada pemilik di kawasan premis makanan daerah ini.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin berkata, tiada suntikan typhoid, dapur kotor dan tidak memakai penutup kepala serta apron menjadi kesalahan utama yang dikenal pasti dalam pemeriksaan yang dibuat.

Menurutnya, hasil pemeriksaan juga mendapati tahap kesedaran pengendali makanan dan pemilik dalam menjaga kebersihan pre-

mis masih rendah dan boleh dipertikaikan. "Gejala demam tifoid atau typhoid menyebabkan lima notis kompaun dikenakan kepada pemilik di kawasan premis makanan daerah ini.

"Oleh itu, MDKS memandang serius isu membabitkan kebersihan premis makanan termasuk gerai dan restoran yang didaftarkan di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian

selepas mengulas lanjut mengenai Operasi Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan di Desa Coalfields dan Bestari Jaya.


Azahari berkata, pihaknya juga memastikan premis yang didaftarkan dibawah kawasan pentadbiran MDKS patuh syarat dan prosedur penyediaan makanan yang ditetapkan.

Menurutnya, Jabatan Kesihatan dan Persekutaran MDKS akan memainkan peranan lebih efisien dalam meningkatkan lagi tahap pengawasan kebersihan dan keselamatan makanan di daerah ini.

"Pada masa sama, orang

awam disarankan untuk membuat laporan terus kepada MDKS sekiranya menyedari sikap kurang peka pemilik premis makanan terhadap isu kebersihan di persekitaran kawasan premis perniagaan.

"Pemeriksaan secara berterusan akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan MDKS turut memberi peringatan kepada setiap peniaga makanan supaya menjaga aspek kebersihan. Jika pengendali makanan atau pemilik premis masih ingkar, tindakan kompaun atau tindakan menutup premis akan dikenakan serta merta," katanya kepada *Sinar Harian*.



Pemeriksaan dilaksanakan kakitangan MDKS di sekitar kawasan premis makanan.

05 Sep 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 334.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,697.27  
PR value: MYR 17,091.81 • Item ID: MY0026947889

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Kakitangan MDKS mengambil gambar di sekitar premis dalam operasi di kawasan Desa Coalfields dan Bestari Jaya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Azmin tempelak kenyataan Noh

Penyelarasan diskaun 10 peratus beri peluang besar kepada bumiputera

**SHAH ALAM** - Kenyataan dibangkitkan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkaitan pemansuhan diskaun 10 peratus Bumiputera baru-baru ini disifatkan sebagai pembohongan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata demikian mengulas kenyataan Noh yang mempertikaikan tindakan kerajaan negeri memansuhkan diskaun 10 peratus melibatkan pangsa-puri perkhidmatan, rumah pejabat (Soho) dan pejabat maya di rumah (Sovo) di Selangor.

Menurutnya, kerajaan negeri sudah berbincang dengan pemaju supaya harga pangsa-puri perkhidmatan, Soho dan Sovo diselaraskan antara RM230,000 hingga RM270,000.

"Perkara tersebut juga mendapat makluman Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Redha), malah exco berkaitan juga sudah memberi penjelasan kuota jualan untuk Bumiputera dikekalkan dan kerajaan negeri melakukan penyelarasan harga Soho dan Sovo," - Azmin

**“Perkara tersebut juga mendapat makluman Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Redha), malah exco berkaitan juga sudah memberi penjelasan kuota jualan untuk Bumiputera dikekalkan dan kerajaan negeri melakukan penyelarasan harga Soho dan Sovo.”** - Azmin

"Sebelum ini, harga Soho dan Sovo nilainya melebihi RM450,000 dan jika diberi diskaun 10 peratus, mereka tetap tak mampu membelinya. Jadi kenyataan beliau (Noh) boleh disifatkan sebagai pembohongan," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Selangor ke-64, di sini, semalam.

Beliau berkata, persoalan pengkhianatan yang ditimbulkan juga tidak betul kerana penyelarasan harga itu memberi peluang lebih besar kepada bumiputera memiliki Soho



dan Sovo.

Katanya, sebelum ini, harga haratanah itu tinggi kerana ia berstatus komersil dan perniagaan, bukan kediaman.

"Harga jualan Bumiputera bagi projek lain kekal, tiada sebarang pembatalan."

"Kita mahu beri keadilan kepada semua rakyat Selangor tanpa menjaskan hak bumiputera dan sebab itu kita tak batalkan harga jualan khusus kepada Bumiputera tetapi berusaha bantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki Soho dan Sovo," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Bayar cukai melalui aplikasi

**SELAYANG** - Pembayar cukai taksiran bagi kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kini boleh membuat pembayaran melalui aplikasi dalam talian dan mudah alih Maybank2u (M2U) di bawah program JomPay.

Pengarah Perbendaharaan MPS, Azhar Samsuri berkata, pembayar hanya perlu memilih kod 3103 bagi cukai taksiran MPS yang ada pada bahagian menu sistem perbankan online itu untuk membuat pembayaran.

“MPS bergerak seiring perkembangan semasa bagi kemudahan pengguna yang tidak perlu ke kaunter untuk membuat pembayaran,” katanya.

Jelasnya, MPS juga bakal memperluaskan penggunaan kemudahan itu bagi pembayaran lain termasuk kompaun pada masa akan datang.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Jangan panik, ambil langkah pencegahan

**KLANG** - Penduduk Sri Muda dan Selangor khususnya diminta supaya tidak panik berhubung kes pertama virus Zika yang melibatkan seorang wanita dari Klang.

Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei berkata, apa yang boleh dilakukan ialah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan sewajarnya.

"Kes yang berlaku di kawasan ini adalah kes import dan kita harap dengan kawalan yang dilakukan oleh pihak berkuasa dan diri sendiri, keadaan akan pulih."

"Penduduk di kawasan ini perlu meningkatkan kebersihan di sekeliling rumah kerana kalau pesakit ini digitit aedes, mungkin boleh menyebabkan lebih ramai dijangkiti," katanya.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya Majlis Perbandaran Klang (MPK) turut digesa untuk melakukan pemeriksaan bagi memastikan ia dibanteras berterusan.

"Dalam tempoh sebulan dua ni penduduk perlu beri tumpuan setiap hari dalam kawasan rumah dan sekitarnya.

"MPK diminta terus mempertingkatkan pemeriksaan mengejut, kawalan dan sebagainya untuk mengurangkan risiko virus denggi dan Zika," katanya.



SHUHAIMI

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## RM10j untuk 3 projek utama



Zaidy (tiga, kiri) ketika turun padang melihat lokasi semalam

**KUANG** - Tiga projek utama sedang dan akan dijalankan selewat-lewatnya tahun depan bagi kawasan Kuang termasuk menaik taraf jambatan-an Kundang dengan kos RM10 juta.

Exco Kerajaan Negeri, Zaidy Abdul Talib berkata, sasaran projek dimulakan Jun tahun depan, namun akan dipercepatkan untuk bukaan tender pada Januari.

Menurutnya, perancangan naik taraf jambatan tersebut dalam perhatian sebelum dihebahkan dalam media.

"Jambatan tersebut sempit dan kerap berlaku kemalangan kerana tutut digunakan kenderaan berat.

"Penelitian sudah lama dibuat dan hanya menunggu giliran kerana bajet yang ada diberikan keutamaan kepada projek yang lebih memerlukan. Tahun depan giliran jambatan Kundang pula dipilih," katanya selepas merasmikan Jelajah Infratani 2016 Dun Kuang di Padang Awam Kampung Setia.

Beliau berkata, projek itu dijangka mengambil masa 18 bulan disiapkan selepas ia dimulakan.

Zaidy berkata, kerja pelebaran jambatan adalah daripada lima meter kepada 14 meter dan melibatkan

kira-kira 300 meter jalan sebelum dan selepas jambatan.

"Kosnya dianggarkan antara RM7 juta hingga RM10 juta bergantung kepada lantikan kontraktor melalui tender," katanya.

Menurutnya, dua projek lain yang sedang dalam pelaksanaan ialah naik taraf persimpangan lampu isyarat Melati-Kuang dan pembinaan blok bangunan Sekolah Agama Seri Kundang.

Beliau berkata, naik taraf persimpangan lampu isyarat Jalan Melati-Kuang dijangka bermula antara Mac hingga Oktober tahun depan dengan peruntukan RM20.4 juta kerana melibatkan pengambilalihan tanah, pemasangan lampu jalan, pengalihan utiliti, pelebaran jalan melibatkan semua hala.

"Sekolah agama pula projeknya sedang berjalan dan dijangka siap Oktober ini. Tahun depan dia boleh digunakan," katanya.

Zaidy berkata, walaupun Kuang di bawah BN, namun agihan projek dan peruntukan diberikan sama adil sebagai usaha memberikan contoh yang terbaik sebagai kerajaan negeri yang bertanggungjawab.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## JKM daftar 350 sukarelawan kanak-kanak

**SUBANG JAYA** - Seramai 350 sukarelawan kanak-kanak didaftarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor untuk diberi pendedahan awal dalam aktiviti kesukarelawanan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, mereka adalah kumpulan pertama Selangor Kids Volunteerism yang berjaya didaftarkan sebagai sukarelawan kanak-kanak Negeri Selangor.

Beliau juga mengucapkan sya-

bas kepada JKM Negeri Selangor dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) serta Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) kerana telah berjaya mengenal pasti kanak-kanak yang berpotensi sebagai sukarelawan.

"Saya gembira kerana program ini julung kali diadakan JKM Negeri Selangor memandangkan sebelum ini JKM memberi fokus kepada sukarelawan dewasa.

"Saya berharap program ini dapat memberi manfaat kepada perkembangan jati diri anak-anak sekali-

an bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan" katanya.

Pada majlis sama, beliau mengumumkan Kerajaan Negeri Selangor terus memberi komitmen melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor dengan menyalurkan dana bagi tujuan menjalankan program kesukarelawanan berjumlah RM2,000 bagi setiap daerah dan termasuk kawasan Subang Jaya dan Shah Alam.

"Semoga ia dapat memberi manfaat kepada kedua-dua penerima bantuan," katanya.



Daroyah ketika bersama sebahagian sukarelawan kana-kanak dalam satu majlis di Subang Jaya, kelmarin.



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Penduduk lega ramai prihatin

**KLANG** - Penduduk Ambang Botanic dilanda panik apabila seorang wanita berusia 58 tahun yang juga penduduk di situ disahkan sebagai mangsa pertama dijangkiti virus Zika selepas pulang dari Singapura pada 21 Ogos lalu.

Bagaimanapun, keresahan mereka tidak berpanjangan apabila pihak berkaitan tampil segera memberi perenungan serta bantuan, sekaligus melegakan hati penduduk di situ.

Naib Presiden Persatuan Penduduk Ambang Botanic, Alex Lum ketika ditemui semalam berkata, kerjasama dan tindakan pantas daripada exco berkaitan, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), pihak berkuasa tempatan (PBT) sedikit sebanyak menghilangkan panik serta kebimbangan di kalangan penduduk.

"Lepas Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, PKD dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) datang dan jalankan operasi di sini, rasa lega sedikit.

"Sebelum ini, kami agak panik dan bimbang jika virus tersebut



Alex berkata sesuatu kepada Daroyah ketika lawatan dan pemeriksaan dilakukan.

menjangkiti penduduk yang lain pula," katanya.

Katanya, dia akan mengusulkan satu perbincangan bersama presiden persatuan, bagi menganjurkan gotong-royong secara besar-besaran.

"Kami akan bincang dengan presiden dan penduduk untuk adakan gotong-royong besar-besaran. Edaran risalah masih tidak cukup untuk berikesedaran dan semua penduduk perlu beri kerjasama," katanya.

# Virus Zika: Penduduk jangan panik

Kerajaan negeri minta penduduk di Selangor tidak panik berhubung kes pertama virus Zika di negeri itu kerana langkah membendung jangkitan itu giat diusahakan

36



▲ Exco Kesihatan Negeri, Dr Daroyah Alwi (kiri) mengedarkan risalah dan racun serangga kepada penduduk Ambang Botanic.

Headline	PWB tingkat usaha bantu wanita jana ekonomi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,718



# PWB tingkat usaha bantu wanita jana ekonomi

**AMPANG** - Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor terus meningkatkan usaha membantu golongan wanita menjana sumber ekonomi.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Darayah Alwi berkata, PWB di setiap Dun kini berjaya menghasilkan beberapa produk untuk dipasarkan.

"Ramai individu yang telah berjaya hasil belajar dalam program di PWB, sebagai contoh PWB Bangi menghasilkan produk jahitan," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga mahu menerapkan ilmu berhubung Program Pemberdayaan Wanita Selangor Model ABC

(Asset Base Community Development) melalui PWB.

Darayah berkata, ilmu itu sangat penting dan beliau amat gembira sambutan peserta program yang menyahut

cabaran dan saranan Kerajaan Negeri Selangor untuk menggalakkan wanita berdaya saing dalam situasi ekonomi yang semakin mencabar.

Beliau berkata, seramai 88 wanita menyertai program selama dua hari itu, yang sesuai untuk mereka mengenal pasti kelebihan dan keistimewaan diri.

"Ia juga membantu peserta mengenal pasti sumber atau aset sekeliling seperti persekitaran, ekonomi dan agensi berkaitan. Kemudian, daripada penemuan itu, kita akan hasilkan satu plan pembangunan.

"Kelebihan program ini adalah komuniti boleh dapat idea bagaimana mahu jana pendapatan sendiri, dalam pada itu boleh tingkatkan perasaan cintakan komuniti. Selain itu, golongan wanita juga boleh dikenali sebagai agen perubahan kepada pembangunan komuniti," katanya.



Peserta Program Pemberdayaan Wanita Selangor Model ABC bersama Darayah.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Dr. Daroyah binti Alwi)	1	0	RM 0
Selangor State Government (Selangor State Government)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Setuju cadangan kerajaan negeri		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	57 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 561
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,683



## Setuju cadangan kerajaan negeri

**SHAH ALAM** - Pemuda Parti Amanah Negara (Amanah) Selangor bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri bahawa pang-sapuri perkhidmatan, rumah pejabat (Soho) dan pejabat maya di rumah (Sovo) tidak tertakluk dengan diskaun 10 peratus kepada Bumiputera.

Ketuanya, Abbas Azmi berkata, pihaknya bersetuju setelah meneliti cadangan kerajaan negeri ini tertakluk di kawasan pembangunan komersil sahaja.

"Kami menyambut baik dan

menghargai usaha kerajaan negeri menurunkan harga jenis pembangunan ini di bawah konsep 'mampu milik'

"Bagaimanapun kami melihat jika dikekalkan diskaun 10 peratus kepada Bumiputera bagi jenis pembangunan komersil ini adalah lebih baik, untuk memberi galakan kepada Bumiputera memiliki premis," katanya.

Pemuda Amanah juga mendcadangkan kerajaan negeri agar mengamalkan sikap lebih mesra anak muda di Selangor.

**GIST(ENGLISH)**

N/A

Headline	Penduduk Taman Kencana semarak semangat kejiranan		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	05 Sep 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	40	ArticleSize	223 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 3,804
Journalist	N/A	PR Value	RM 11,412
Frequency	Daily		



## Penduduk Taman Kencana semarak semangat kejiranan

**AMPANG** - Seramai 400 penduduk pelbagai bangsa meluangkan masa bersama-sama meraikan ambang kemerdekaan anjuran Persatuan Penduduk Taman Kencana, baru-baru ini.

Pengerusinya, Mustafa Zaine berkata, beliau gembira melihat perpaduan penduduk di kawasan itu.

"Saya juga bangga melihat anak muda yang turut bersama-sama meraikan program bertemakan 'Membudayakan Kejiraninan Sepanjang Hayat,' katanya.

Menurutnya, penduduk di kawasan itu digalakkan mengamalkan konsep ambil yang jernih, buang yang keruh agar mereka terus bersatu padu menyemarakkan semangat kejiranan.

Mustafa turut menasihati, jika mahu menegur jangan sampai ber-

gaduh kerana beliau mahu melihat komuniti di kawasan itu gembira.

"Wujudkan suasana harmoni sesama penduduk. Saya harap, semoga dengan semangat kemerdekaan ini kita dapat hidup dalam suasana yang tenang."

"Jika ada masalah, kita selesaikan bersama dan jangan lari daripada masalah. Berat sama dipikul rilangan sama dijinjing," katanya.

Program tersebut dirasmikan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya pertandingan dan pameran hiasan objek bendera kreativiti daripada penduduk, persempahan nyanyian lagu patriotik serta bacaan puisi selain turut meraikan enam bekas perajurit yang mendiami di kawasan itu.



Iskandar merasmikan program ambang kemerdekaan anjuran Persatuan Penduduk Taman Kencana.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Selangor sasar pelaburan RM6 bilion tahun ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suffian A Bakar	AdValue	RM 10,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,626



# Selangor sasar pelaburan RM6 billion tahun ini

• Lima sektor jadi tumpuan kerajaan negeri sejak 2015

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bharian.com.my

**S**elangor menyasarkan untuk menarik pelaburan bernilai RM6 bilion tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Bhd, Hasan Azhari Idris.

Beliau berkata, meskipun angka sasaran itu lebih rendah berbanding sasaran pelaburan RM8 bilion pada tahun lalu, ia sasaran realistik selepas mengambil kira persekitaran ekonomi semasa yang tidak menentu.

Setakat Mac 2016, katanya, Selangor menerima pelaburan bernilai hampir RM1 bilion dan yakin angka sasaran itu mampu dicapai bersandarkan pelbagai usaha yang sedang giat diperlakukan bagi menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara.

“Sejak 2015, pelaburan ditumpukan kepada lima kluster iaitu elektrikal dan elektronik; mesin dan peralatan; peralatan pengangkutan yang merangkumi automotif dan aeroangkasa; makanan dan minuman (F&B); serta sains hayat.

“Empat bahagian tumpuan pula adalah e-perdagangan, aeroangkasa, bioteknologi dan industri halal,” katanya pada temu bual di Shah Alam, baru-baru ini.

**Selangor di tangga ketiga**  
Hasan berkata, Selangor menyasar untuk meraih pelaburan RM8 bilion dalam sektor pembuatan tahun lalu, tetapi pelaburan sebenar yang diraih berjumlah RM7.96 bilion.

Angka pelaburan RM7.96 bilion itu meletakkan Selangor

di tangga ketiga dalam kalanngan negeri yang menerima pelaburan terbesar dalam sektor itu di Malaysia tahun lalu, di belakang Sarawak dan Johor.

Bagaimanapun, Selangor mencatat jumlah projek diluluskan tertinggi sebanyak 222 berbanding Johor (137) dan Sarawak (22).

Selangor menyumbang 22 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2015.

Hasan berkata, Selangor kekal negeri menarik bagi pelabur tempatan dan antarabangsa dalam sektor pembuatan.

Selangor menyasarkan untuk meraih pelaburan sekitar RM160 bilion dalam sektor pembuatan menjelang 2020.

Sejak 1999, Selangor meraih nilai pelaburan terkumpul RM130.7 bilion dalam sektor pembuatan, katanya.

Beliau berkata, bagi menarik pelaburan dalam sektor bioteknologi, pihaknya memperuntukkan kawasan seluas 400 hektar di Pulau Indah bagi penubuhan Selangor Bio Bay yang kerja pembangunan akan bermula seawal hujung tahun ini.

Dalam industri halal pula, Hasan berkata, Selangor mempromosi Selangor Halal Standard, platform bagi produk dan perkhidmatan halal, bertujuan mempercepatkan lagi industri halal di negeri itu.

Katanya, Selangor Halal Standard adalah standard bagi mempermudahkan produk dan perkhidmatan menembusi pasaran luar negara.

Headline	Selangor sasar pelaburan RM6 bilion tahun ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suffian A Bakar	AdValue	RM 10,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,626

**Info**

### Ekspo Antarabangsa Selangor 2016



**Hasan Azhari Idris,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Invest Selangor Bhd

**Selangor menyasar untuk meraih pelaburan RM8 bilion dalam sektor pembuatan tahun lalu, tetapi pelaburan sebenar yang diraih RM7.96 bilion”**

→ **Diadakan** di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa MINES.

→ **Bermula 20 Oktober hingga 22 Oktober** dari jam 10 pagi hingga 6 petang.

→ **Penganjur menyasar** 700 petak pameran berbanding 400 petak pameran tahun lalu.

→ **Lebih 80 peratus** tempahan sudah diterima dengan 101 petak pameran daripada peserta antarabangsa.

→ **Ekspo Antarabangsa Selangor** 2015 disertai peserta dari 16 negara, dengan lebih 8,000 pengunjung.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Central Spectrum (M) Sdn Bhd (Pulau Indah Industrial Park)	3	0	RM 0
Central Spectrum (M) Sdn Bhd (Selangor Bio Bay)	1	0	RM 0
Economy (Gross Domestic Product (GDP))	3	0	RM 0
Internet Alliance Malaysia (Internet Alliance Malaysia)	1	0	RM 0
Invest Selangor Berhad (Invest Selangor Berhad)	2	0	RM 0
Invest Selangor Berhad (Selangor International Expo)	18	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Jangan usik hak kami!

**B**ERIA-IA nampaknya Datuk Iskandar Abdul Samad memberitahu yang Selangor adalah negeri pertama mengambil langkah mengawal pembangunan pangsapuri perkhidmatan, rumah pejabat (SOHO) dan pejabat maya di rumah (SOVO).

Kata Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bandar dan Kehidupan Bandar negeri itu, kalau dahulu pemaju boleh mendirikan harta-harta jenis itu tanpa perlu membina unit mampu milik, tetapi kini tidak boleh lagi.

Dengan polisi baharu tersebut, mulai 1 September lalu, pemaju perlu membina 10 hingga 20 peratus unit mampu milik. Kalau dahulu harga pangsapuri perkhidmatan, SOHO serta SOVO antara RM450,000 hingga RM500,000, kini pembeli terutama golongan berpendapatan rendah berpeluang memiliki unit sama pada harga RM230,000 hingga RM270,000 sahaja.

Walau bagaimanapun, kuota jualan harta-harta sebanyak 30 peratus untuk bumiputera masih diteruskan seperti biasa. Pastinya menarik dan teruja kita mendengar berita sedemikian.

Namun, untuk menikmati tawaran tersebut, rakyat Selangor perlu berkorban, iaitu tiada lagi diskaun 10 peratus untuk bumiputera seperti dipraktikkan selama ini. Sebaliknya, unit mampu milik itu ditawarkan kepada semua kaum pada harga sama.

Alasannya, kenapa perlu ada diskaun untuk bumiputera kerana perbezaan harga antara unit mampu milik dengan bukan mampu milik sudah cukup besar? Justeru, Iskandar menjelaskan, beliau tidak faham kenapa masih ada pihak mempersoalkan polisi baharu itu sambil mengaitkannya dengan satu bentuk penindasan terhadap bumiputera sedangkan perbezaan harga unit mampu milik dan bukan mampu milik mencécah hingga RM270,000.

Mana-mana pihak yang mengkritik langkah kerajaan negeri itu disifatkannya hanya cuba bermain politik, bukannya bersungguh-sungguh mahu membela nasib kaum bumiputera. Malah, beliau kelihatan angkuh apabila mencabar Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain supaya mengikut langkah kerajaan PKR Selangor itu. Namun, Iskandar harus ingat bahwa keistimewaan sedemikian diberikan kepada bumiputera sejak dahulu lagi.

Bagi Pengurus Rejim Ubah Selangor, Jefrizal Mohd. Jaafar, beliau hairan dengan garis panduan pembangunan baharu kerajaan negeri di bawah pentadbiran Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali itu yang selama ini dipraktikkan oleh semua kerajaan negeri sejarah dengan polisi Dasar Ekonomi Baharu (DEB).

Menurutnya, Mohamed Azmin perlu diingatkan bahwa DEB yang pertama kali diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada 1971 bertujuan mengatasi permasalahan perpaduan dan integrasi kaum serta etnik berlandaskan susunan komposisi kependudukan melalui taraf ekonomi kaum serta pemilikan ekuiti yang menjadi punca utama berlaku tragedi 13 Mei.

“Sehingga hari ini, pemilikan ekuiti bumiputera masih di bawah sasaran 30 peratus manakala pemilikan ekuiti kaum selain bumiputera adalah sekitar 46 peratus, melangkaui sasaran 40 peratus di bawah DEB.

“Hari ini juga, peratus garis kemiskinan mengikut pecahan kaum masih meletakkan bumiputera di paras tertinggi berbanding kaum lain termasuk di Selangor dan disebabkan itulah, keistimewaan bumiputera termasuk 10 peratus diskaun diberikan,” katanya.

Dari aspek politik pula, beliau berpendapat, tujuan polisi baharu kerajaan negeri itu diperkenalkan tidak lain tidak bukan adalah serangan halus ke atas etnik bumiputera yang masih mengejar kestabilan ekonomi berimbang seperti digariskan oleh DEB dan polisi ekonomi negara. Apatah lagi pemilikan ekuiti kaum-kaum lain sudah jauh melangkaui sasarnya.

Begitu juga dengan kadar kemiskinan mengikut pecahan kaum yang memperlihatkan tangga teratas diduduki oleh bumiputera. Sehubungan itu, beliau mencabar kerajaan negeri supaya menyatakan fakta sebenar peratusan kemiskinan mengikut pecahan kaum dan etnik. Jika angka itu tidak menyebelahi bumiputera, kenapa kuota 30 peratus pemilikan bumiputera masih dikekalkan sedangkan diskaun istimewa 10 peratus dihapuskan?

“Kerajaan PKR Selangor tidak boleh bersikap selektif dengan menerima satu-satu polisi tetapi pada masa sama menolak polisi lain. Pemilikan dan diskaun adalah pakej keistimewaan kepada bumiputera dan tidak wajar diusik sama sekali atas nama kesamarataan termasuk kemiskinan,” tegasnya.

Jefrizal menambah, ramai tahu yang Mohamed Azmin selaku Timbalan Presiden PKR amat terdesak untuk meraih sokongan pengundi bukan Melayu terutama kaum Cina sehingga tergamac mermansuhkan diskaun 10 peratus bumiputera itu.

Walau bagaimanapun, dengan memperjudikan hak-hak keistimewaan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan termasuk soal pemilikan ekuiti dan bantuan kemiskinan mungkin boleh disifatkan sebagai satu pengkhianatan terhadap bumiputera. Dan lebih membimbangkan katanya, polisi sedemikian akan menjadi lebih sukar untuk diperbetulkan pada masa depan.

Sebenarnya, banyak lagi perkara yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menangani masalah kemiskinan tetapi bukan dengan mengusik hak yang sedia termaktub dalam Perlembagaan. Janganlah kerana mahu mengekalkan kuasa, Mohamed Azmin dengan mudah tunduk kepada tekanan pihak tertentu.

Sempena hari kemerdekaan negara yang baru berlalu, marilah kita merenung kembali perjuangan orang dahulu khususnya dalam mempertahankan kontrak sosial. Kontrak sosial sememangnya tidak bertulis tetapi ia menjadi intipati kerukunan dan kemakmuran negara berdaulat ini yang mempunyai pelbagai kaum, agama dan budaya.



UNTUK menikmati tawaran rumah mampu milik, rakyat Selangor perlu berkorban iaitu tiada lagi diskaun 10 peratus untuk bumiputera seperti dipraktikkan selama ini. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

**BEBERAPA** penduduk menunjukkan petak letak kenderaan yang dijadikan sebagai tempat pemunggahan bagi projek MRT di Jalan PJU 10/10 G, Saujana Damansara, Petaling Jaya, Selangor, semalam.

PENDUDUK berkumpul bagi membantah tindakan pihak berkuasa tempatan yang turut membenarkan kerdaeraan berat melalui kawasan berhampiran prumahan mereka.

# Bantah 'parking' jadi lokasi pemunggahan

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
kota@utusangroup.com.my

■ PETALING JAYA 4 SEPT.

**P**ENGHUNI Blok A dan B Rumah Kedai Saujana Damansara di Jalan PJU 10/10G di sini berkumpul bagi membantah tindakan pemaju menjadikan kawasan tempat letak kereta di kawasan itu sebagai lokasi pemunggahan operasi pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Rumah Kedai Saujana Damansara, Suradi Abdul Karim berkata, tindakan itu menyebabkan beberapa masalah timbul sehingga menyusahkan penduduk setempat.

Menurutnya, selain kekurangan tempat letak kereta, ia turut menyebabkan kesesakan lalu lin-



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

tas dan gangguan ketenteraman awam.

“Pemaju telah mendapat kebenaran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjadikan sebahagian tapak letak kereta di kawasan ini sebagai lokasi pemungahan pada 16 Ogos lalu.

“Bahkan pihak berkuasa tempatan itu turut membenarkan lori keluar masuk menggunakan lajuan di sini.

“Apa yang dikesalkan tiada sebarang perbincangan dibuat bersama penduduk berhampiran berhubung perkara ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas mengadakan bantahan bersama kira-kira 30 penghuni kawasan terbabit di sini hari ini.

Suradi berkata, walaupun telah beberapa kali aduan dikemukakan kepada MBPJ berhubung masalah itu, tiada sebarang penjelasan diberikan sehingga hari ini.

Sehubungan itu beliau merayu MBPJ dan pihak pemaju agar mempertimbang dan menilai semula penggunaan kawasan tersebut demi keharmonian kira-kira 800 penghuni di situ.

“Projek MRT mengambil masa lama untuk disiapkan. Sampai bila penduduk terpaksa hidup dalam keadaan tidak selamat dan tidak selesa,” katanya.

Sementara itu, seorang penghuni, Yee Ah Tee, 57, berkata, dia tidak menolak pembinaan MRT

memandangkan projek berkenaan bakal memberi manfaat untuk penduduk sekitar.

Sebaliknya, kata Ah Tee, dia hanya menolak kawasan tersebut digunakan sebagai ‘mini site’ sehingga turut mengorbankan pokok-pokok yang tumbuh di situ.

Peasaan sama turut dikongsi penduduk Mohd Hakimi Ramli, 28,

Kaanya, memang MBPJ ada menyediakan ruang tempat letak kenderaan sebagai ganti di belakang pangsapuri itu namun, penduduk tidak menggunakanannya.

“Penduduk bimbang untuk meletakkan kenderaan di situ memandangkan keadaan persekitaran yang gelap dan sunyi,” jelasnya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## 'Azmin tidak komited kepada FAS'

**SHAH ALAM 4 Sept.**

- Sikap Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengelak daripada mengulas mengenai kem'lut dalam Persatuan Bolaepak Selangor (FAS) secaa tidak langsung menunjukkan pendirian sebenar Menteri Besar itu yang tidak ambil peduli dan cuba lepas tangan daripada tanggungjawabnya.

Sumber dalaman FAS berkata, apa guna Mohamed Azmin menjadi Presiden jika segala masalah dalam persatuan berkenaan tidak cuba ditanganinya sendiri sebaliknya menyerahkan kepada orang lain.

"Sebagai Presiden, Mohamed Azmin ken; ambil tahu pasal maslah dalam FAS dan nenyesaikannya. Bukanya tidak peduli, lepa tangan sebaliknya lebih sibuk dengan poliik menyebabkan ada pihak lain yang ambil kesempatan.

"Sultan Selangor sekarang semasa menjadi Presiden FAS dahulu walau sibuk macam mana sekali pun, tetap mencemar duli menghadiri mesyuarat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai sikap Mohamed Azmin yang mengunci mulut berhubung isu yang sedang melanda FAS.

Ketika ditemui di sini, Timbalan Presiden PKR itu hanya berkata apa juga perkara membabitkan pengurusan dan segala pentadbiran dalam FAS telah diserahkan kepada timbalannya, Datuk Mohktar Ahmad untuk diseesaikan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Exco alu-alukan Tengku Amir jadi Presiden FAS

**SHAH ALAM 4 Sept.** - Cadangan supaya Raja Muda, Tengku Amir Shah dilantik sebagai Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) untuk menggantikan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mendapat sokongan dan dialu-alukan sendiri oleh barisan exco persatuan berkenaan.

Menurut sumber dalaman FAS, Tengku Amir dilihat mampu mengikut jejak langkah ayahandanya Sultan Sharafuddin Idris Shah (semasa menjadi Raja Muda) yang suatu ketika dahulu pernah menerajui FAS sebagai seorang presiden.

Jelasnya, di bawah pentadbiran Sultan Sharafuddin, FAS dipimpin begitu baik walaupun baginda sibuk dengan pelbagai urusan rasmi.

“Bola sepak dan rakyat tidak boleh dipisahkan. Begitu juga raja dan rakyat, tidak boleh dipisahkan.

“Bagi saya, Tengku Amir adalah orang paling layak menjadi Presiden FAS sebab ayahanda baginda juga pernah memimpin FAS,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas ca-

dangan Awang Selamat dalam Analisis Mingguan hari ini supaya Tengku Amir Shah dilantik menjadi Presiden FAS bagi mengatas kemelut yang sedang melanda persatuan berkenaan.

Awang Selamat menjelaskan, memandangkan Selangor sebagai sebuah pasukan yang hebat, mempunyai ramai pemain berbakat dan saiz penyokong yang besar, adalah merugikan jika tidak ditadbir dengan harmoni.

Katanya, Tengku Amir Shah telah memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang boleh dimanfaatkan dalam persatuan sukan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Sokong Tengku Amir pimpin FAS



**TENGKU AMIR SHAH SULTAN SHARAFUDIN IDRIS SHAH** menjadikan pemilik JDT, Tunku Ismail Sultan Ibrahim sebagai idola selepas melawat Tunku Mahkota Johor itu di Johor Bahru baru-baru ini.

**Dileh MOHAMMAD ROZAIKI ZULKIFLI**  
[sukang@utusan.com.my](mailto:sukang@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR 4 SEPT**

**B**EBERA PA persatuan penyokong Red Giants berharap Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) turut ditransformasi, bermula dengan pengunduran presidennya sekarang Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana pelbagai kemelut telah melanda persatuan bola sepak itu kebelakangan ini. Malah Menteri Besar Selangor itu juga dilihat oleh peminat Selangor sebagai gagal menjalankan tanggungjawab sebagai presiden dengan baik sejak memegang jawatan pada Disember 2014 apabila hanya dua kali menghadiri mesyuarat exco FAS.

Bagi peminat, mungkin jalan terbaik untuk mengatasi pergo-lakan dalam persatuan itu adalah melantik Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah menjadi Presiden FAS.

"Sekiranya Tengku Amir Shah sudi menjawat jawatan itu pastinya kami menyambut baik perkhabaran itu," kata Presiden Kelab Penyokong Bola Sepak Selangor (SSFC), Mohammad Haniff Rama Manzor.

"Bagi saya jika Datuk Seri Azmin Ali tidak mampu memimpin dan menguruskan persatuan bola sepak, sepatutnya dia membuka peluang kepada orang lain yang lebih berminat. Dia sebagai presiden jika

berlaku kemelut seperti ini seharusnya dia yang bertanggungjawab dan patut buat keputusan."

"Jangan main lepas tangan, kenapa suruh timbalan dia selesaikan. Sebagai presiden dia patut ambil tanggungjawab itu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden Kelab Penyokong Anak Selangor (ASPC), Mohd. Faizal Wahid menyokong sepenuhnya jawatan presiden baharu dijawab oleh Raja Muda Selangor.

Beliau juga minta sesiapa sahaja yang menjadi presiden baharu FAS kelak dapat menswasta kan pasukan dengan segera dan menjadikan kemajuan yang dicapai oleh Johor Darul Ta'zim (JDT) sebagai contoh terbaik pada masa kini.

"Jika Tengku Amir Shah sudi menjadi presiden, keputusan itu sangat dialu-alukan oleh penyokong-penyokong Selangor. Mungkin Raja Muda dapat mengikuti apa yang dilakukan oleh TMJ (Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim) memajukan bola sepak Johor."

"Cuma satu saya minta jika Tengku Amir atau sesiapa sahaja menjadi presiden nanti iaitu FAS dapat diswastakan. Kalau lihat pengurusan sekarang langsung tidak ambil kisah apa yang dicadangkan oleh penyokong. Jangan sampai stadium kosong tanpa penyokong baru mahu ambil langkah drastik," tegasnya.



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Raja Muda pilihan terbaik selamatkan bola sepak Selangor

Oleh MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH

KRISIS yang melanda Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) ketika ini ibarat bara yang semakin merebak dan jika tidak dirawat ia bakal merosakkan pasukan Gergasi Merah itu.

Perkara itu didebakkan bekas pemain kebangsaan dan Selangor Khalid Ali yang mendakwa, badan induk bola sepak Selangor ditadbir oleh presiden yang salah sehingga gagal menyelesaikan konflik pentadbiran juara Piala Malaysia 33 kali itu.

Khalid mendakwa, sejak



TENGKU AMIR SHAH



KHALID ALI

FAS dipimpin Datuk Seri Azmin Ali pada Disember 2014, timbul pelbagai kemerluat sehingga mewujudkan suasana yang tidak harmoni dalam kalangan Exco.

Ujarnya, mungkin jalan terbaik bagi mengatasi

segala pergolakan dalam persatuan itu adalah melantik Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin menjadi Presiden FAS yang baharu.

"Sudah tiba masanya FAS dipimpin oleh seorang yang layak un-

tuk mengemudi pasukan Selangor. Kita lihat selagi masalah ini tidak dapat diatasi dengan baik dan dicampur dengan pengaruh politik dalam sukan adalah satu perkara yang sukar

diterima.

"Pastinya saya dan penyokong Selangor khususnya menyambut baik sekiranya Tengku Amir Shah berkenan memegang jawatan ini. Bagi saya, jika Azmin tidak mampu untuk memimpin dan menguruskan persatuan bola sepak itu sepatutnya dia harus membuka peluang kepada orang lain yang lebih layak.

"Bagi saya Raja Muda

adalah calon yang sesuai dan tiba masanya persatuan ini dipimpin oleh seorang yang tidak mempunyai pengaruh politik," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Presiden Kelab Penyokong Bola Sepak Selangor (SSFC), Mohammad Haniff Rana Manzor berkata, sekiranya tidak boleh menggalas tugas dengan baik berikutan keputusan ini.

"Jelas ini satu masalah besar kepada Selangor dan pemindah boleh menilai sendiri. Kalau beliau (Azmin Ali) tidak boleh pegang jawatan itu dengan sebaiknya, baik lepaskan

dan bagi peluang kepada orang yang lebih layak. Dia sebagai presiden jika berlaku kemelut seperti ini seharusnya dia yang bertanggungjawab dan patut buat keputusan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Presiden Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), Mohd. Faizal Wahid menyokong jawatan presiden baru dijawat oleh Raja Muda Selangor.

"Jika Tengku Amir Shah sudi menjadi presiden, keputusan itu sangat dialukan oleh penyokong-penyokong Selangor," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Azmin ambil sikap 'kunci mulut' isu dalaman FAS



KERATAN Kosmo/3 September 2016

PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Seri Azmin Ali mengambil sikap kunci mulut berhubung krisis yang melanda badan induk skudut Gergasi Merah, lapor AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI.

Azmin yang juga Menteri Besar Selangor ketika ditemui pada satu majlis di Shah Alam semalam enggan mengulas mengenai peranan Penolong Pengurus Selangor, Noor Hisham Mohd. Ghouth yang didak-

wa mempunyai 'kuasa' yang dianggap melebihi kuasa Presiden.

Azmin berkata, perkara berkaitan pengurusan dan segala pentadbiran dalam FAS telah diserahkan kepada Timbalan Presiden, Datuk Mokhtar Ahmad untuk diselesaikan.

"Hal itu biarlah ditentukan oleh timbalan presiden. Ini masalah pentadbiran yang boleh diselesaikan secara baik," katanya ketika ditemui pada Persidangan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Se-

langor semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan bahawa tindakan Noor Hisham yang didakwa melangkaui kuasa Azmin dikatakan menjadi jadi punca krisis yang melanda badan induk bola sepak Selangor itu.

Perkara itu didebak oleh satu sumber yang mendakwa Noor Hisham mempunyai kuasa untuk melantik jurulatih tanpa mengadakan sebarang mesyuarat atau persetujuan daripada barisan Exco FAS.

## Kontinjen JPNS sertai perbarisan sempena kemerdekaan

**MERDEKA.**  
Kontinjen  
Jabatan  
Perhutanan-  
Negeri Selangor  
(JPNS)  
menyertai  
perbarisan Hari  
Kemerdekaan  
ke-59 peringkat negeri Selangor



**Komuniti  
Kita**

Gambar dan berita yang  
disiarkan dalam *Komuniti Kita*  
kini boleh diakses di laman web  
[www.Kosmo.com.my](http://www.Kosmo.com.my).

di Dataran  
Kemerdekaan,  
Shah Alam  
baru-baru ini.  
Seramai 40  
kakitangan  
jabatan  
berkenaan  
terlibat  
memeriahkan program

tersebut yang bertemakan  
'Selangorku: Sehati Sejawa'

Acara yang bermula pada  
pukul 8 malam hingga 12  
tengah malam itu padat dengan  
pelbagai acara termasuk  
persempahan kesenian  
dan kebudayaan, tarian  
patriotik serta persempahan  
pertahanan diri.



KONTINJEN JPNS bergambar kenangan selepas menyertai perbarisan Hari Kemerdekaan ke-59 peringkat negeri di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam baru-baru ini.

Headline	Tambah baik pasar sementara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,188



## Tambah baik pasar sementara

**SAUDARA PENGARANG,**

**PADA** Jumaat lalu, saya berkunjung ke Pasar Harian Selayang, Selangor atau lebih tepat lagi pasar sementara yang dibina bersebelahan tapak bangunan asal yang telah dirobohkan.

Ketika kunjungan tersebut saya agak terkilan apabila melihat laluan untuk pelanggan dipenuhi sisa basuhan ikan dan ayam sehingga kasut dibasahi air najis berkenaan.

Puncanya kerana tiada

sistem saliran yang baik. Oleh itu, sudah sampai masanya dibina parit kecil di laluan pelanggan dan diletakkan pelapik getah yang lebih tinggi bagi membolehkan air mengalir menerusnya.

Saya juga berharap paip air turut disediakan untuk kemudahan pelanggan membasuh kaki dan kasut selepas selesai membeli barang di situ.

**KAMAL**

Rawang, Selangor

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Lega tindakan pantas pihak berkuasa		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	05 Sep 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	18	ArticleSize	231 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 9,100
Journalist	N/A	PR Value	RM 27,300
Frequency	Daily		



UNIT Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Botanic, Klang, Mohd Fazil Juhari melakukan kerja-kerja penyemburuan

**Klang:** Persatuan Penduduk Ambang Botanic, di sini, akan melaksanakan program gotong-royong dan kempen kesedaran bert-

rusan bagi memerangi wa-

bak denggi serta virus Zika di kawasan perumahan itu.

Langkah itu dianggap

PENDUDUK melihat kerja penyemburuan racun.

perlu sebagai langkah berjaga-jaga kepada lebih 4,000 penduduk merangkumi 822 rumah di taman berkenaan.

Naib Pengurusnya, Alex Lum berkata, komuniti setempat pada awalnya panik apabila dimaklumkan mengenai penduduk wanita di

taman itu disahkan positif virus Zika.

"Namun, tindakan pantas pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Kesihatan dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang berterusan sehingga ke hari ini melegakan hati kami.

"Justeru, kami beranggapan kami turut perlu mengambil inisiatif sendiri untuk melaksanakan program go-

tong-royong membersihkan seluruh kawasan taman perumahan ini terutama mengesan lokasi pembiakan aedes," katanya ketika di-

temui di sini, semalam.

Menurutnya, perkara seumpama itu perlu dipandang serius penduduk setempat apakah lagi membabitkan virus yang mampu mengorbankan nyawa.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Cheng berkata, dia berharap semua penduduk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menjalankan aktiviti kawalan vektor di taman terbabit.

"Ia untuk kebaikan semua dan saya tidak mahu virus berbahaya itu menular di kawasan perumahan ini termasuk wabak denggi," katanya.

**FAKTA**  
Program  
gotong-royong  
bersih taman  
perangi kesan  
virus denggi, Zika

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Gamuda Property (Bandar Botanic)	1	0	RM 0
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Putting a stop to illegal dumpsites		
MediaTitle	The Star		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	338,368
Page No	4	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	470 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,653
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,959



Story by  
**OH ING YEEN**

ingyeen@thestar.com.my

THE authorities are putting their foot down by seizing several parcels of land used as illegal dumping sites.

This is the first of such seizure in the Petaling District by the land office.

As reported by *StarMetro*, according to data from the state and land offices from 2008 to March 2016, only one plot has been seized in Gombak and another in Hulu Langat.

Selangor Local Government, New Village Development and Legalising of Factories Committee chairman Ean Yong Hian Wah, officers from local councils, Selangor Economic Planning Unit, Petaling Land Office and the Drainage and Irrigation Department conducted spot-checks in Section 5 of Bukit Serdang, Taman Mas Sepang, and two sites in Taman Putra Prima, Puchong.

According to Ean Yong, the spot-checks were conducted based on public complaints.

"Land office has activated land seizure proceedings under the National Land Code. Once it is completed, the land can be confiscated."

"We will also continue to monitor the sites".

He said landowners who claim ignorance were not excused.

"What happens on their land is the landowner's responsibility. Claiming they did not know what was going on is not acceptable."

"Compound notices have been issued to the offenders."

Elaborating further on the problem, Ean Yong said the illegal dump site in Bukit Serdang was an old issue.

"There are four pieces of land, two are registered to companies and the other two are owned by individuals."

"The Subang Jaya Municipal Council had previously conducted a spot-check and sealed off the land as well as issued compound notice."

"However, it was difficult to ban anyone from entering as it was an

# Putting a stop to illegal dumpsites

Land office acts to seize several plots in Petaling district



During the spot check, a lorry driver was caught illegally dumping waste at one of the sites.

open space and the owner did not fence up the land.

"Under the law, the responsibility is on the owner," he reiterated.

"We suspected methane gas was burning underground and affecting neighbours as well as residents in Bandar Putra Permai and Lestari Perdana."

"We did see some efforts by the landowner to put out the fire," he added.

It was also reported by

*StarMetro* ("Decade-old illegal dumpsite still in use, July 11") that lorries were seen arriving every five to 10 minutes to dump rubbish at the site, located off Jalan BS5/27 and Jalan Bersatu near the Bukit Serdang Sports Arena.

Residents living nearby said the illegal dumpsite had existed for more than 10 years.

In Taman Putra Prima, Puchong, one site was partially owned by state and a private owner.

In Taman Putra Prima, Puchong, an operator rented the land from the owner for a recycling business.

"But the tenant used it as an open dumping site for domestic waste," said Ean Yong.

At a river reserve in Taman Mas Sepang, the enforcement team found construction and industrial wastes along the river bank.

Also helping in the spot-check were officers from Sepang Municipal Council.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Family members given the all clear		
MediaTitle	The Star		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	338,368
Page No	14	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	472 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,754
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,262



# Family members given the all clear

Health D-G: Blood samples from relatives of first M'sian Zika victim tested negative

**PETALING JAYA:** Family members of the first Zika patient in Klang and another family of three in Malacca have been found to be free from the viral infection.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah confirmed that blood samples taken from three family members of the first Malaysian Zika victim in Bandar Botanic in Klang tested negative.

"And urine samples taken from three family members in Malacca (who recently returned from Singapore) were also found to be negative," he said.

The family of three from Malacca was initially suspected of being infected with Zika virus, as rumours spread on social media claiming that they had been placed under quarantine at their home in Durian Tunggal after returning from Singapore on Aug 30.

On Thursday, the Health Ministry announced the first case of Zika infection after a 58-year-old woman was tested positive after returning from Singapore on Aug 21.

The woman had visited her daughter, who was among the 11 Malaysians tested positive for Zika in Singapore.

On Saturday, the Malaysian health authorities confirmed a second case of Zika infection in Klang.

However, the 61-year-old man died of heart complications.

The authorities had also carried out fogging activities at the Kota Kinabalu International Airport on Sept 2.



**Big clean-up:** Workers clearing the drains at Taman Publik Jaya in Likas, Sabah, after a resident of the area contracted Zika virus. — Bernama

In a related development, Klang Municipal Council (MPK) director of health, Azmi Muji, said the council had conducted fogging at the first Zika victim's home in Taman Botanic, as well as destroyed potential breeding grounds for mosquitoes and set up traps to estimate the number of mosquitoes in the area yesterday.

"We held gotong royong, involving residents of Taman Ambang Botanic, to clear the neighbourhood of mosquito breeding grounds," he said.

The authorities are still trying to determine the potential sources of infection for the latest Zika patient in Likas, Sabah.

Health Minister Datuk Seri Dr S.

Subramaniam said the authorities were in the process of tracing the movement of the patient in the last few weeks.

The 61-year-old patient died of heart complications not related to Zika on Saturday.

The man from Taman Public Jaya in Likas tested positive for Zika, prompting fear that there

**The latest case of Zika in Kota Kinabalu suggests that the virus is already present within our communities.**

Datuk Seri Dr S. Subramaniam

could be other infected people in the community who could pose as potential sources of infection.

"We will intensify vector control activities in these areas," he said in his Facebook posting yesterday.

Dr Subramaniam also said it was the responsibility of Malaysians to intensify the anti-Aedes war as Zika was already present in the nation, adding that based on the latest scenario, new cases would continue to emerge.

"The latest case of Zika in Kota Kinabalu suggests that the virus is already present within our communities," he said.

"The patient had not been to any other country where a large number of cases had been reported."

"This means that this person contracted the disease locally."

The latest update from the Singapore Health Ministry showed that 11 Malaysians were confirmed to be infected with the Zika virus – 10 of them work and live in Singapore, and one works in the republic but resides in Johor.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A